

SOALAN LAZIM PERTUKARAN LESEN MEMANDU NEGARA LUAR

BIL.	SOALAN	JAWAPAN
1.	Apakah itu <i>conversion</i> ?	<i>Conversion</i> ialah pertukaran Lesen Memandu Negara Luar kepada Lesen Memandu Malaysia (LMM).
2.	Apakah syarat untuk memohon <i>conversion</i> ?	Syarat utama ialah pemohon mestilah tergolong daripada salah satu (1) kategori di bawah: 1) Warganegara Malaysia 2) Pemegang Kad Pengenalan Diplomatik 3) Peserta MM2H
3.	Berapa lamakah proses permohonan <i>conversion</i> ?	Proses permohonan <i>conversion</i> adalah 30 Hari Bekerja (Bermula pada tarikh permohonan).
4.	Berapakah bayaran yang dikenakan untuk <i>conversion</i> ?	Bayaran proses adalah RM20 dan bayaran lesen adalah RM120 bagi tempoh dua (2) tahun PDL.
5.	Bolehkah saya tidak hadir Kurikulum Pendidikan Pemandu (KPP01)?	Tidak boleh. Jika tuan/ puan dikehendaki hadir KPP01 maka tiada pengecualian.
6.	Bagaimanakah cara untuk memohon <i>conversion</i> ?	Permohonan hanya boleh dibuat di JPJ Negeri sahaja.

SOALAN LAZIM PERTUKARAN LESEN MEMANDU NEGARA LUAR

BIL.	SOALAN	JAWAPAN
7.	Bolehkah permohonan <i>conversion</i> dilakukan dalam talian?	Tidak boleh.
8.	Bolehkah saya menghantar wakil untuk membuat permohonan <i>conversion</i> ?	Tidak boleh, pemohon perlu hadir sendiri kecuali bagi kategori pemegang Kad Pengenalan Diplomatik, mereka dibenarkan menghantar wakil.
9.	Bolehkah saya memohon <i>conversion</i> di JPJ Cawangan Taiping, Perak?	Tidak boleh. Permohonan hanya boleh dibuat di JPJ Negeri Sahaja.
10.	Dimanakah saya boleh memohon <i>conversion</i> ?	Permohonan hanya boleh dibuat di JPJ Negeri sahaja.
11.	Jika saya memohon <i>conversion</i> , adakah Lesen Memandu Negara Luar saya yang sedia ada ini akan terbatal?	Bergantung kepada peraturan semasa negara pengeluar Lesen Memandu Negara Luar tersebut, kerana Jabatan ini tidak akan membatalkan Lesen Memandu Negara Luar pemohon.
12.	Jika saya mohon <i>conversion</i> bolehkah saya dapat CDL?	Pemohon akan diberikan PDL, CDL hanya diberikan dalam kes tertentu.

SOALAN LAZIM PERTUKARAN LESEN MEMANDU NEGARA LUAR

BIL.	SOALAN	JAWAPAN
13.	Kenapa saya diberikan PDL sahaja sedangkan saya pemegang Lesen Memandu USA selama 20 tahun?	Conversion hanya dibenarkan kepada 3 kategori terpilih. Walau bagaimanapun, permohonan yang diluluskan akan diberi jenis lesen PDL sahaja.
14.	Kenapa saya perlu hadir Kurikulum Pendidikan Pemandu (KPP01) dan ujian berkomputer?	Conversion hanya dibenarkan kepada 3 kategori terpilih. Walau bagaimanapun, permohonan dibahagi kepada dua (2) iaitu lesen memandu daripada negara pejanji dan bukan pejanji. Lesen memandu negara luar bukan negara pejanji disyaratkan untuk hadir KPP01 setelah permohonan diluluskan.
15.	Kenapakah saya perlu hadir KPP01 sedangkan kawan saya tidak perlu hadir KPP01?	Conversion hanya dibenarkan kepada 3 kategori terpilih. Walau bagaimanapun, permohonan dibahagi kepada 2 iaitu lesen memandu daripada negara pejanji atau bukan pejanji. Lesen memandu negara luar bukan negara pejanji disyaratkan untuk hadir KPP01 setelah permohonan diluluskan.

SOALAN LAZIM PERTUKARAN LESEN MEMANDU NEGARA LUAR

BIL.	SOALAN	JAWAPAN
16.	Kenapa kawan saya dari negara sama, tidak perlu hadir KPP01 setelah lulus conversion?	Conversion hanya dibenarkan kepada 3 kategori terpilih. Walau bagaimanapun, permohonan dibahagi kepada 2 iaitu lesen memandu daripada negara pejanji atau bukan pejanji. Lesen memandu negara luar bukan negara pejanji disyaratkan untuk hadir KPP01 setelah permohonan diluluskan.
17.	Saya pemegang <i>International Driving Permit (IDP)</i> , bolehkah saya memohon <i>conversion</i> ?	Conversion hanya untuk Lesen Memandu Negara Luar (Domestic Driving License).
18.	Siapakah yang layak untuk memohon <i>conversion</i> ?	Layak untuk memohon <i>conversion</i> Jika tergolong daripada salah satu (1) kategori di bawah: 1) Warganegara Malaysia 2) Pemegang Kad Pengenalan Diplomatik 3) Peserta MM2H
19.	Saya pelajar dari New Zealand, bolehkah saya memohon <i>conversion</i> ?	Syarat utama ialah pemohon mestilah tergolong daripada salah satu (1) kategori di bawah: 1) Warganegara Malaysia 2) Pemegang Kad Pengenalan Diplomatik 3) Peserta MM2H

SOALAN LAZIM PERTUKARAN LESEN MEMANDU NEGARA LUAR

BIL.	SOALAN	JAWAPAN
20.	Saya pemegang Lesen Memandu <i>International</i> daripada Negara Bangladesh. Bolehkah saya memohon <i>conversion</i> ?	Syarat utama ialah pemohon mestilah tergolong daripada salah satu (1) kategori di bawah: 1) Warganegara Malaysia 2) Pemegang Kad Pengenalan Diplomatik 3) Peserta MM2H
21.	Saya ada Lesen Memandu Singapura. Adakah saya layak untuk memohon <i>conversion</i> ?	Syarat utama pemohon adalah tergolong daripada salah satu (1) kategori di bawah: 1) Warganegara Malaysia 2) Pemegang Kad Pengenalan Diplomatik 3) Peserta MM2H
22.	Untuk apakah saya perlu memohon <i>conversion</i> ?	Syarat utama pemohon adalah tergolong daripada salah satu (1) kategori di bawah: 1) Warganegara Malaysia 2) Pemegang Kad Pengenalan Diplomatik 3) Peserta MM2H Jika anda layak untuk memohon, proses untuk mendapatkan LMM adalah lebih mudah secara <i>conversion</i> .